



29 MAY, 2025

## ASEAN 2025 sedia peluang besar untuk manfaat bersama



Berita Harian, Malaysia

# ASEAN 2025 sedia peluang besar untuk manfaat bersama

### ANALISIS

Oleh  
Mohd Nasaruddin  
Parzi

bhnews@bh.com.my



**Sidang** Kemuncak ASEAN Ke-46 melabuhkan tirainya kemerdekaan kejayaan tersendiri serta memenuhi objektif untuk meletakkan kedudukannya sebagai rantaun perdagangan kompetitif dan berpengaruh di peringkat global.

Pembabitan jultung kali Majlis Kerjasama Teluk (GCC) dan China pada sidang kemuncak ASEAN, mendanakan persefahaman semakin erat rantaun ini khususnya bagi mempertutus pelaburan dan perdagangannya, di samping mengembangkan kerjasama ekonomi yang mencakupi segenap bidang termasuk keselamatan makanan, digital dan kecerdasan buatan (AI), tenaga boleh diperbaharu, keselamatan siber serta perjanjian perdagangan bebas (FTA).

Kepengerusian ASEAN kali ini, turut menyerlahkan sejarah penting Malaysia sebagai negara perantara yang bebas dan diyakini, dengan matlamat akhir tentunya untuk memastikan setiap kerangka inisiatif yang diumum dan dipersetujui bersama tiga rantaun ini, dapat dimuktamad sekali gus dilaksana dengan penuh jayanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang media selepas berakhir Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46,

menzahirkan harapan besarnya agar segala inisiatif dirangka di antara ASEAN-GCC-China dapat dimuktamad menjelang Sidang Kemuncak ke-47 yang dijadual berlangsung Oktober ini.

GCC sebagai kuasa ekonomi berpengaruh di Asia Barat dengan kekuatan dalam sektor tenaga, pelaburan teknologi baharu, digitalisasi dan kecerdasan buatan dan dianggotai enam negara berpengaruh di Asia Barat iaitu Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Saudi Arabia Emiriah Arab Bersatu (UAE), kini menjadi rakan dagang penting kepada ASEAN.

Sementara China yang sudah membuat hubungan akrab dengan rantaun ini sejak Kepengerusian ASEAN pada 1997 lagi, sudah membuktikan kemampuannya dalam mengangkat kedudukan ekonomi rakan negara dagangnya, berkongsi kepentingan teknologi serta menjamin prinsip keadilan sejagat.

Justeru, menerusi kerjasama baharu ini, gabungan ASEAN, GCC dan China kini mewakili jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) AS\$24.87 trillion (RM105.3 trillion) dengan populasi kira-kira 2.15 billion penduduk.

#### Bina hubungan baik

Bagi Pengarah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sufian Jusoh, peranan ASEAN dalam menjaga hubungan sesama anggota serta membina hubungan baik dengan blok global sudah terbukti memberi manfaat besar kepada penduduknya.

"Saya mahu bagi contoh paling mudah. Kalau kita mahu pergi Hatyai (di Thailand), sebab ramai orang kita suka melancong, rakyat kita boleh bergerak keluar dan masuk ke Thailand tanpa visa.

"Menerusi Dasar Langit Terbuka ASEAN, kita boleh buat penerbangan langsung ke bandar kecil di ASEAN ... ke Jogja, Bandung dan Medan (di Indonesia), Chiang Rai (Thailand), Da Nang di Vietnam dan banyak lagi destinasi."

"Ini semua sebahagian usaha ASEAN yang dijayakan sejak sekian lama dengan tujuannya untuk memudahkan cara hubungan antara rakyatnya," katanya sambil menjelaskan kerjasama baru untuk menjayakan Grid Tenaga ASEAN satu lagi pencapaian penting kepada rantaun ini.

"Dengan pelancaran Grid Tenaga ASEAN, selepas ini kalau negara kita tak cukup tenaga, kita ada sumber tenaga disediakan di Laos yang boleh disalur ke Thailand, langsung terus ke Singapura melalui Malaysia," katanya.

Malaysia, Vietnam dan Singapura pada Isnin lalu sudah memeterai perjanjian membangkitkan projek Grid Tenaga ASEAN yang disifatkan sebagai satu kerjasama penting di rantaun ini, iaitu fasa pertama projek darat dan dasar laut dengan kabel dasar laut akan turut membabitkan PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, berkata,

**Menerusi Dasar Langit Terbuka ASEAN, kita boleh buat penerbangan langsung ke bandar kecil di ASEAN**

Sufian Jusoh,  
Pengarah,  
IKMAS UKM



**Dengan kerjasama baru ini, ASEAN boleh meneroka lebih banyak kegiatan ekonomi dengan GCC dan China serta membina kesejahteraan kepada rantaun ini**

Mohd Azizuddin Mohd Sani,  
Timbalan Naib Canselor Akademik  
dan Antarabangsa UUM



penyertaan GCC dan China menunjukkan perbezaan ketara Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 dengan pengaruan sidang sebelumnya.

"China kita tahu memiliki keupayaan besar dalam teknologi dan ada kemampuan untuk memperluas pelaburannya di ASEAN, sementara GCC yang mengamalkan pentadbiran monarki menguasai sumber tenaga yang boleh dimanfaatkan ASEAN.

"Dengan kerjasama baru ini, ASEAN boleh meneroka lebih banyak kegiatan ekonomi dengan GCC dan China serta membina kesejahteraan kepada rantaun ini. Sekarang masanya untuk menjayakan kegiatan untuk manfaat penduduk ASEAN," katanya.

**Mengorak langkah ke depan**  
Bagi Pensyarah Kanan di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Dr Mohd Shahid Mohd Noh pula, Malaysia kini boleh mengorak langkah ke depan untuk meneroka, sekali gus menerajui piawaian standard halal di peringkat ASEAN.

"Sekarang kita sudah berada dalam kedudukan baik dalam industri ini. Walaupun disana (ASEAN dan GCC) terdapat per-

saiangan yang lebih besar, tapi kita sudah berada di landasan yang betul untuk memperbaikinya.

"Kita lihat, dari segi segmen penggubal undang-undang, jika Malaysia mampu menyediakan dan memiliki kerangka perundangan halal yang jelas dan dilaksana dengan mandat penuh, itu perkara besar boleh dicapai.

"Apabila kerjasama baru ini, ASEAN boleh meneroka lebih banyak kegiatan ekonomi dengan GCC dan China serta membina kesejahteraan kepada rantaun ini. Sekarang masanya untuk menjayakan kegiatan untuk manfaat penduduk ASEAN," katanya.

"Untuk memperbaiki hal itu, kita mestilah menyedarkan masyarakat dengan ilmu kepentingan halal. Itu penting untuk diajar dan dicanangkan, bagi meningkatkan kesedaran pengguna bukan saja yang Islam, tapi juga bukan Islam," katanya. Sehubungan itu, manfaat besar pengaruan Sidang Kemuncak ke-46 serta Kepengerusian ASEAN kali ini perlu dilihat dari pelbagai perspektif kerana ia menyediakan begitu besar peluang untuk semua negara anggotanya.

Kejayaan ini tidak akan datang dalam tempoh singkat, ia satu perjalanan panjang yang mampu membentuk masa depan lebih baik buat seluruh penduduk di rantaun ini.

**Jika Malaysia mampu menyediakan dan memiliki kerangka perundangan halal yang jelas dan dilaksana mandat penuh, itu perkara besar boleh dicapai**

Mohd Shahid Mohd Noh,  
Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan  
Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, UM

